

Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia Tahun 2021 – “ COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian ”

Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia

Tahun 2021– “COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian”

Sempena menyambut Hari Malaysia, Dong Zong telah menganjurkan sebuah pertandingan menulis esei dengan tema “Menyanjung Kepelbagaian Menjelang Wabak COVID-19”.

Kami berharap pertandingan ini dapat menggalakkan khalayak ramai untuk berkongsi pengalaman sendiri mengenai keindahan sifat kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat terutamanya dalam masa kita bertemu dengan wabak COVID-19, agar kepelbagaian masyarakat dapat dipelihara.

Masa depan negara kita akan menjadi lebih cerah dengan penerimaan konsep kepelbagaian dalam masyarakat. Marilah kita menyanjung tinggi konsep kepelbagaian menerusi karya esei sempena Hari Malaysia yang bermakna ini.

Objektif:

1. Menyemai semangat kepelbagaian budaya dan memupuk sifat toleransi serta saling menghormati dalam masyarakat.
2. Memelihara kepelbagaian kaum dan budaya dalam negara.

Kami mengalu-alukan anda untuk menyertai pertandingan ini. Berikut merupakan syarat-syarat pertandingan:

1.Kelayakan:

- Terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara.
- Kakitangan dan ahli keluarga pihak pengajur **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai pertandingan ini.

2.Tema:

- Kandungan esei perlu berdasarkan **pengalaman sendiri (bukan fiksyen)** dan berkaitan dengan unsur silang budaya atau interaksi pelbagai kaum yang dialami sendiri di Malaysia. Peserta digalakkan untuk menulis esei berdasarkan tempoh wabak COVID-19 sekian hari.

3.Hadiah:

- Semua peserta yang mematuhi syarat akan diberi tanda penghargaan oleh pihak pengajur.

Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia Tahun 2021 – “ COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian ”

- Pihak pengajian akan memilih beberapa pemenang yang menghasilkan karya terbaik dan akan diberi hadiah tunai istimewa serta akan dipaparkan dalam media internet.

4.Tarikh tutup:

- Tarikh tutup penyertaan pada **6 September 2021 (Isnin)**. Semua hasil penyertaan hendaklah dihantar **sebelum** tarikh tutup. Karya yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan .

5.Garis panduan Esei:

- Semua karya hendaklah dihantar dalam bentuk cetak (hardcopy) **atau** salinan (softcopy). Untuk penyertaan yang dihantar melalui pos, hanya penyertaan di mana **tarikh cap pengeposan** adalah tidak lewat dari 6 September 2021 akan diterima.
- Penyertaan berbentuk tulisan tangan perlulah dalam bentuk kemas dan mudah dibaca.
- Karya dalam bentuk salinan perlu dihantar dalam bentuk format **PDF dan Word**, menggunakan **tulisan Arial saiz 12 dan langkau (spacing) 1.15**.
- Peserta perlu menulis nama penuh dan tajuk di bahagian kiri atas muka surat pertama eseи dan juga perlu menulis jumlah patah perkataan di penghujung karangan.
- Semua peserta hanya dibenarkan menghantar **SATU (1)** eseи sahaja, sama ada dalam bentuk tulisan bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Mandarin. Panjang eseи hendaklah antara 500 hingga 1000 patah perkataan.
- **Setiap karya perlu dilengkapi dengan gambar hasil sendiri atau lukisan yang berkaitan dengan kandungan eseи.**
- Gambar atau lukisan yang berkaitan perlu disertakan dalam kiriman cetak atau e-mel salinan (softcopy, format: JPEG/PNG,) kepada pihak pengajian.
- Peserta juga boleh muat naik hasil eseи semasa mengisi borang penyertaan *Google Form*. (maksimum 10MB)

Alamat hantarkan **esei cetak (hardcopy)** seperti berikut:

Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia

Bhgn Hal Ehwal Organisasi, Dong Zong

Blok A, Lot 5, Seksyen 10,

Jalan Bukit,

43000 Kajang, Selangor

Malaysia.

Esei dalam bentuk salinan (softcopy) dihantar melalui e-mel kepada :
dzmemc@dongzong.my

Tajuk E-mel: (Nama Peserta) / Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Malaysia

6.Hak Cipta

- Hasil karya perlu bersifat asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana medan media.
- Pihak pengajur memiliki segala hak cipta karya yang dihasilkan. Hasil karya asli cetak yang diterima tidak akan dipulangkan.

7.Penilaian

Pihak pengajur akan memilih beberapa karya esei terbaik .

Hasil karya esei perlu menepati tema dan syarat yang telah ditetapkan.

Semua peserta dan pemenang akan dihubungi oleh pihak pengajur untuk urusan token penghargaan dan hadiah tunai istimewa.

Pihak pengajur berhak membuat perubahan pada tata bahasa atau struktur ayat, bagi esei yang dipilih untuk diterbitkan.

8.Pendaftaran:

Pautan: <https://forms.gle/udqFp8hbLjDDvnAY8>

Kod QR:



9.Pertanyaan:

Sila hubungi

En. Yap Heng Lung, E-mel: henglung_yap@dongzong.my ,
Tel: +603 8736 2337 (Ext: 301)

Cik. Cheng Guan Hui, E-mel: guanhui_cheng@dongzong.my ,
Tel: +603 8736 2337 (Ext: 299)